



KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN
MINISTRY OF HOUSING AND LOCAL GOVERNMENT

SIARAN MEDIA

PROGRAM PEMANTAPAN KOMUNITI BANDAR KELUARGA MALAYSIA BERSAMA YAB PERDANA MENTERI

PULAU PINANG, 19 OKTOBER 2022 – YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri telah merasmikan Program Pemantapan Komuniti Bandar Keluarga Malaysia bertempat di Pusat Komersial Tasek Gelugor, Pulau Pinang pada pagi ini. Turut hadir adalah YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan; YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi; YB Dato' Seri Mahdzir bin Khalid, Menteri Pembangunan Luar Bandar; YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan; YB Dato' Muhamad Yusoff bin Mohd Noor, ADUN Sungai Dua; YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), serta barisan Pegawai-pegawai Kanan Kementerian, Jabatan dan Agensi.

Prihatin dengan kesejahteraan Keluarga Malaysia, KPKT terus berusaha meningkatkan kualiti hidup rakyat khususnya dalam kalangan komuniti bandar yang berpendapatan rendah. Pelaksanaan program ini adalah selaras dengan Agenda Malaysia Berdaya Huni serta menyokong Aspirasi Keluarga Malaysia iaitu meningkatkan kesejahteraan sosial dan memperkukuh penyatuan dalam acuan Keluarga Malaysia.

YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob berkata, "Kerajaan komited dalam meningkatkan kualiti hidup dan membantu mengurangkan beban yang ditanggung oleh ketua isi rumah keluarga miskin dan berpendapatan rendah di bandar. Justeru, KPKT telah memperkenalkan Program Kemampanan Komuniti Bandar (PKKB) bagi mengimbangi kesan pembangunan pesat dan komuniti bandar. Sejumlah RM2.25 juta telah diluluskan oleh Kerajaan bagi pelaksanaan PKKB di Semenanjung Malaysia dan akan diperluaskan ke Sabah dan Sarawak."

Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) seperti Program Baik Pulih Rumah di Bandar dan Program Pemeriksaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB) merupakan usaha berterusan KPKT untuk meningkatkan kualiti hidup keluarga berpendapatan rendah yang tinggal di bandar. Bukan itu sahaja, bagi Program Baik Pulih Rumah di Bandar di bawah

PPKB, terdapat peningkatan peruntukan sebanyak RM4.45 juta kepada RM6.5 juta khusus untuk Keluarga Malaysia di Pulau Pinang yang bakal memberi manfaat kepada 435 orang penerima bantuan perumahan. PEKB pula merupakan program yang dijalankan dalam komuniti B40 dalam usaha meningkatkan kemahiran keusahawanan dan perniagaan. Pada tahun 2022, seramai 249 peserta program PEKB telah berjaya dilatih di Pulau Pinang.

Selain itu, Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) yang diperkenalkan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) sejak 20 tahun dahulu juga telah dapat membantu kumpulan B40 yang berkelayakan untuk memiliki rumah kediaman sendiri sejajar dengan ciri-ciri Aspirasi Keluarga Malaysia. Sehingga kini, SPNB telah berjaya menyiapkan sejumlah 51,726 unit RMR di seluruh negara termasuk 519 unit RMR di Pulau Pinang. Pada tahun 2022, sebanyak 5,000 unit rumah telah diluluskan termasuk 507 unit untuk dibina di Pulau Pinang.

Dalam majlis sama, YAB Perdana Menteri telah menyampaikan Surat Kelulusan Program Baik Pulih Rumah Negeri Pulau Pinang, Surat Tawaran Rumah Mesra Rakyat SPNB dan Sijil Pencapaian Cemerlang Program PEKB kepada 30 orang mewakili penerima yang lain. YAB Perdana Menteri turut menyerahkan sumbangan sebanyak RM2.8 juta bagi pembinaan Masjid Taman Sungai Dua Utama di Tasek Gelugor.

KPKT terus komited dalam memperkukuhkan dasar dan program-program bagi komuniti setempat bagi memastikan kesaksamaan dari segi kemajuan sosio-ekonomi termasuklah menangani jurang kekayaan dan pendapatan serta menambah baik kualiti hidup bagi seluruh Keluarga Malaysia selari dengan aspirasi “Malaysia Berdaya Huni” atau “*Liveable Malaysia*”.

#KeluargaMalaysia

#BekerjaBersamaRakyat

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

